



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 6 DISEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 6 Disember 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,894 kes** (2,572,053 kes kumulatif, 96.6%);
- Kes baharu : **4,262 kes** (2,663,034 kes kumulatif);
- Kes import : **15 kes** (10 warganegara; 5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,247 kes** [4,125 warganegara (97.1%); 122 bukan warganegara (2.9%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **463 kes** (359 kes disahkan COVID-19 ; 104 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **249 kes** (163 kes disahkan COVID-19 ; 86 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,983 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **5 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,749 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **234 kluster**.

Daripada **4,262 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **78 kes (1.8 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,184 kes (98.2 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA (MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-48)

Sehingga 4 Disember 2021 [Minggu Epidemiologi (ME) ke-48], sebanyak **2,654,474 kes kumulatif** COVID-19 telah dilaporkan dengan **62,670 kes aktif** dan **30,574 kes kumulatif kematian**. Walaupun nilai Rt/Ro Malaysia meningkat sedikit pada minggu lepas, semua indikator utama jangkitan COVID-19 kini mencatatkan penurunan berbanding ME ke-47. Dari segi kewujudan kluster baharu pula, semua kategori kluster menunjukkan tren penurunan kecuali kluster pendidikan.

1. Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19


Pada ME ke-48 iaitu daripada **28 November 2021 sehingga 4 Disember 2021**;

- **Penurunan kes baharu sebanyak 7.8 peratus** iaitu daripada 37,830 kes (ME ke-47) kepada 34,897 kes (ME ke-48). Tren penurunan kes ini dicatatkan sejak dua (2) minggu lepas mulai ME ke-46.
- Kes kematian kekal konsisten menunjukkan penurunan sebanyak 3.3 peratus dengan 294 kematian pada ME ke-48 berbanding 302 kematian pada ME ke-47. Penurunan ini dicatatkan mulai ME ke-43.

- Purata kes yang memerlukan rawatan di **ICU** menunjukkan **penurunan sebanyak 11 peratus** iaitu 431 kes (ME ke-47) kepada 386 kes (ME ke-48).
- Purata kes yang memerlukan **alat bantuan pernafasan** turut menunjukkan **penurunan** (3.5 peratus) dari 169 kes (ME ke-47) ke 163 kes (ME ke-48).
- **Nilai Rt meningkat semula** sebanyak 0.3 peratus kepada 0.97 (95% CI 0.95 – 0.97) dan peningkatan ini dicatat semenjak 1 Disember 2021.


Indikator	ME ke-47 (21/11 - 27/11)	ME ke-48 (28/11 - 3/12)	Perbandingan ME 47/48 (%)
Kes Baharu	37,830	34,897	↓ -7.8
Kes Kematian	302	294	↓ -2.6
Penggunaan Katil ICU (Purata)	431	386	↓ -10.4
Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (Purata)	169	163	↓ -3.6

Jadual 1 Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME ke-47 dan ME ke-48



Rajah 1 Purata Mingguan Kes COVID-19 di ICU

Berdasarkan **Rajah 1**, penggunaan ICU untuk kes COVID-19 jelas mencatatkan penurunan berturut-turut mulai ME ke-44.



Rajah 2 Purata Mingguan Kes COVID-19 yang Memerlukan Alat Bantuan Pernafasan

Tren penurunan penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (*ventilator*) untuk kes COVID-19 juga dapat dilihat mulai 16 minggu lepas iaitu ME ke-32 berdasarkan **Rajah 2**. Penurunan kedua-dua indikator ini selari dengan peningkatan liputan vaksinasi seluruh negara yang kini telah mencatat 77.9%

populasi lengkap divaksinasi (setakat 5 Disember 2021, 11.59 malam).

2. Kluster

Sehingga 4 Disember 2021, terdapat kumulatif 5,969 kluster telah dilaporkan dan hanya 227 kluster masih lagi aktif (penurunan sebanyak 3.0 peratus berbanding ME ke-47). Selain itu, sebanyak 48 kluster telah diisytiharkan tamat pada ME ke-47, lalu menjadikan penurunan sebanyak 14.3 peratus berbanding ME ke-47. Sebanyak 41 kluster telah dilaporkan pada ME ke-48 yang terdiri daripada (Jadual 2);

- **21 (51.2 peratus)** kluster tempat kerja;
- **16 (39.1 peratus)** kluster pusat pendidikan;
- **Dua (2)(4.9 peratus)** kluster aktiviti keagamaan;
- **Satu (1) (2.4 peratus)** kluster komuniti; dan
- **Satu (1) (2.4 peratus)** kluster kumpulan berisiko tinggi.

	ME ke – 47 (21/11-27/11)	ME ke – 48 (28/11-04/12)	Perbandingan ME 47/48 (%)
Kluster Aktif	234	227	↓ 3.0
Kluster Tamat	56	48	↓ 14.3
Kluster Baharu	50	41	↓ 18.0
Kategori Kluster Baharu			
1. Tempat Kerja	22	21	↓ 4.5
2. Institusi Pendidikan	13	16	↑ 23.1
3. Komuniti	6	1	↓ 83.3
4. Kumpulan Berisiko Tinggi	6	1	↓ 83.3
5. Aktiviti Keagamaan	2	2	↔ 0.0
6. Pusat Tahanan	1	0	↓ 100.0
7. Import	0	0	↔ 0.0

Jadual 2 Kluster Baharu bagi ME ke-48

Peningkatan semula kluster pendidikan bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan memandangkan individu dari pelbagai isi rumah akan berada dalam ruang dan waktu yang sama dan ketidakpatuhan seseorang individu terhadap SOP yang sedia ada akan mencetuskan kluster yang tidak kita ingini. Data mendapati dari 16 kluster baharu yang melibatkan institusi pendidikan, sebanyak 12 kluster berlaku di sekolah menengah dan institusi pendidikan tinggi.

Oleh kerana kebanyakan populasi remaja dan dewasa telah lengkap divaksinasi, KKM ingin mengingatkan semula bahawa **pengambilan vaksin tidak bermakna pematuhan SOP tidak diperlukan lagi**. Pemakaian pelitup muka dengan cara yang

betul dan kebersihan tangan masih lagi penting bagi mencegah jangkitan COVID-19. Elakkan tempat yang sesak kerana penjarakan fizikal juga perlu dijaga. **Perkukuhkan tindakan kesihatan sendiri** dengan mengamalkan **TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, and Seek*)** bagi mendidik diri kita menjadi individu yang bertanggungjawab dan melindungi orang-orang di sekeliling kita daripada risiko jangkitan.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mempunyai SOP yang telah ditetapkan dan perlu dipatuhi oleh guru, petugas, pelajar/murid, pekerja sokongan, dan lain-lain. Pematuhan SOP oleh setiap individu ini adalah amat penting untuk memastikan tidak berlaku jangkitan COVID-19 dan penularan jangkitan di sekolah serta selanjutnya boleh menyebabkan berlaku dalam keluarga dan komuniti. Pematuhan ini bukan sahaja penting semasa waktu pembelajaran di dalam kelas dan ketika di dalam sekolah, malah penting juga ketika waktu rehat, waktu menjalankan aktiviti fizikal seperti bersukan, waktu masuk dan pulang dari sekolah, di dalam van dan bas sekolah, serta semasa menjalankan aktiviti harian di dalam komuniti. Jangkitan dan penularan boleh berlaku di mana-mana, maka semua pihak perlu peka dan tidak lalai dalam mematuhi SOP yang ditetapkan.

3. Kapasiti Hospital

Kadar penggunaan fasiliti kesihatan (Katil Bukan ICU, PKRC dan Katil ICU) didapati menurun pada ME ke-48. Penggunaan katil bukan ICU di hospital telah mencatatkan penurunan dua (2) peratus manakala PKRC menurun sebanyak lima (5) peratus berbanding ME ke-47 seperti yang digambarkan pada Jadual 3. Penggunaan katil ICU turut mencatatkan penurunan sebanyak satu (1) peratus pada ME ke-48.

Fasiliti Kesihatan	Kapasiti (Purata)	Jumlah Penggunaan (Purata)	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan ME 47/48 (%)
Katil Bukan ICU (Hospital)	13,670	5,033	37%	↓ 2%
Katil PKRC	21,464	6,333	29%	↓ 5%
Katil ICU	1,122	505	45%	↓ 1%
Alat Bantuan Pernafasan	2,877	1,116	39%	↔ -

Jadual 3 : Jumlah Penggunaan Fasiliti Kesihatan bagi ME ke - 47 dan ME ke - 48

Untuk makluman, kajian terbaru mendapati keberkesanan vaksin akan menurun selepas beberapa bulan individu divaksin. Oleh yang demikian, KKM menggesa individu yang mendapat tarikh janji temu dos penggalak vaksin COVID-19 untuk hadir bagi menerima suntikan tersebut. Bagi yang belum menerima vaksin namun tidak pernah dijangkiti COVID-19, golongan ini merupakan kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan

COVID-19. Nasihat KKM, segeralah mendaftar dan dapatkan vaksin COVID-19 agar diri dan keluarga dilindungi daripada virus merbahaya ini.

Kesimpulannya, penurunan yang diperhatikan dalam indikator utama pada minggu lepas, bukanlah bererti kita boleh menjadi alpa dan leka daripada pematuhan SOP semasa melakukan aktiviti sosial dan ekonomi di luar rumah. Seperti yang kerap kali ditekankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), “**No One Is Safe Until Everyone Is Safe**”. Oleh itu, kita semua hendaklah sentiasa saling ingat mengingatkan dan mengamalkan norma baharu yang ketat terutamanya dari segi penggunaan pelitup muka yang betul, penjagaan kebersihan tangan yang baik, serta penjarakan fizikal. Kewujudan Varian Omicron yang diumumkan baru-baru perlu diambil serius semua pihak dan menjadi peringatan agar kita kekal mematuhi SOP setiap masa.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**); dan
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

6 Disember 2021 @ 7:00 petang.

LAMPIRAN 1**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 5 DISEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
PERLIS	1.12
MELAKA	1.04
PERAK	1.01
KEDAH	1.00
WP LABUAN	0.99
WP KUALA LUMPUR	0.99
SELANGOR	0.99
PULAU PINANG	0.99
PAHANG	0.98
JOHOR	0.97
TERENGGANU	0.96
KELANTAN	0.95
WP PUTRAJAYA	0.93
SABAH	0.93
NEGERI SEMBILAN	0.93
SARAWAK	0.72
MALAYSIA	0.98